



JABATAN PERDANA MENTERI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA PELANCARAN KAWASANKU

KAWASANKU MENJADI PLATFORM MENDEKATKAN STATISTIK DENGAN RAKYAT

PUTRAJAYA, 13 JUN 2022 – 14 Jun 2022 – YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia merangkap Pesuruhjaya Banci Malaysia 2020 telah melancarkan '**KAWASANKU**' pada semalam melalui platform Facebook DOSM, <https://fb.watch/dDGeWHQxMK/>.

KAWASANKU merupakan inisiatif permulaan bagi pembangunan platform data terbuka generasi baharu yang mengandungi informasi berkaitan profil demografi penduduk berdasarkan penemuan Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020. KAWASANKU juga menyediakan pelbagai indikator sosial, ekonomi dan alam sekitar setempat yang berkaitan. Melalui persembahan visualisasi di Dashboard KAWASANKU yang disediakan dalam empat bahasa (Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Bahasa Cina dan Bahasa Tamil), perbandingan antara kawasan dapat dibuat dalam satu *snapshot* ringkas sehingga ke peringkat 222 Parlimen dan 600 DUN. Istilah '**KAWASANKU**' ini diaplikasikan dengan mengambilkira perkataan yang dekat dengan rakyat di mana menjadikan statistik ini lebih mesra dengan pengguna data.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, "KAWASANKU memaparkan statistik kependudukan dan indikator demografi serta sosio-ekonomi peringkat granular yang boleh menjadi nadi kepada perancangan lebih khusus dan spesifik mengikut bidang fokus di peringkat Parlimen dan DUN sebagai rujukan dan analisis perbandingan. KAWASANKU turut menyediakan perbandingan *Visualization Map* di peringkat Parlimen dan

DUN untuk beberapa indikator seperti kepadatan penduduk, pendapatan isi rumah, kadar kemiskinan, akses kepada bekalan elektrik & air, peratus permukaan diliputi hutan, keamatan lampu pada waktu malam dan lain-lain lagi". Dengan adanya platform KAWASANKU ini, rakyat bersama pemimpin dan stakeholders setempat dapat memberi maklum balas dan pandangan berkaitan cadangan pembangunan di samping memantau kemajuan prestasi kawasan masing-masing dengan lebih berkesan.

Tambah beliau lagi, "KAWASANKU merupakan Platform Data Terbuka Generasi Baharu Bagi Banci Penduduk Dan Perumahan Malaysia 2020 yang mengandungi ciri-ciri seperti DOSM GitHub dan Dashboard KAWASANKU. Inisiatif ini dibangunkan bertujuan untuk meluaskan dan menggalakkan pengguna mengakses data dalam bentuk *machine-readable format* seperti yang dilaksanakan menerusi OpenDOSM".

KAWASANKU boleh diakses melalui <https://kawasanku.dosm.gov.my/>.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan <https://bit.ly/PocketStats>.

Kenali kawasan anda!

Adakah kawasanku lebih baik berbanding kawasan lain? Apakah ciri-ciri demografinya? Bagaimanakah keadaan tenaga buruhnya? Adakah kemudahan awam mencukupi? DOSM mempunyai misi untuk memastikan jawapan kepada persoalan sebegini di hujung jari rakyat. Menerusi kejayaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 (MyCensus 2020), DOSM buat pertama kali dalam sejarah menerbitkan data populasi penduduk di peringkat Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN). Dashboard Kawasanku bertujuan untuk membolehkan rakyat, penggubal dasar dan komuniti antarabangsa menerokai set data tersebut.


Cari kawasanku

Pilih negeri

Pilih jenis geografi

Pilih kawasan

Malaysia



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

14 JUN 2022